

03 NOV 2003

MCA-Jamuan

JAMUAN BESAR-BESARAN MASYARAKAT CINA UNTUK ABDULLAH, DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- MCA bersama semua parti komponen Barisan Nasional yang mempunyai ramai ahli berbangsa Cina akan mengadakan satu jamuan besar-besaran bersama masyarakat Cina untuk Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Setiausaha Agung MCA Tan Sri Dr Ting Chew Peh berkata satu lagi jamuan serupa akan diadakan untuk bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan adakan (jamuan meraikan Abdullah) sebelum 1 Feb 2004 sebab pada 1 Feb 2004, kita juga akan adakan satu jamuan besar-besaran untuk Tun Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Presiden MCA di bangunan parlimen di sini.

Dr Ting berkata kedua-dua jamuan itu akan dianjurkan bersama dengan Parti Gerakan, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP) dengan kerjasama persatuan-persatuan Cina Malaysia.

"Jamuan untuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah bagi meraikan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima manakala untuk Tun Dr Mahathir Mohamad adalah bagi menghargai sumbangan beliau kepada negara sepanjang 22 tahun yang lalu," katanya.

Dr Ting berkata mesyuarat Majlis Presiden MCA hari ini juga bersetuju supaya satu dialog antara MCA dan wakil Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina (ACCCIM) serta Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (FCAM) diadakan Rabu ini untuk membincangkan isu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan yang melibatkan masyarakat itu.

"Tujuan dialog adalah untuk mendengar masalah-masalah yang dihadapi masyarakat Cina dengan harapan pemimpin-pemimpin MCA akan dapat mengatasi masalah yang ditimbulkan," katanya.

Dr Ting berkata dialog itu akan dihadiri semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen dari MCA selain semua ahli Majlis Presiden MCA.

Mesyuarat hari ini turut membincangkan mengenai sambutan ulang tahun ke-55 penubuhan MCA yang akan diadakan tahun hadapan sama ada di Perak atau Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AT SSA MAI